

Tiada penyelesaian sejak 10 tahun lalu

Banjir kilat: Penduduk sudah muak, berang

Oleh **ABDUL RAZAK IDRIS**

pengarang@utusan.com.my

■ SHAH ALAM 10 MEI

BERDEPAN banjir kilat setiap kali hujan lebat sejak 10 tahun lalu sudah cukup membuatkan penduduk di sekitar Seksyen 4 di sini berang dan muak dengan sikap kerajaan PKR Selangor yang seolah-olah lepas tangan.

Rata-rata mereka yang ditemui menggesa pihak terlibat bertindak secara proaktif dalam infrastruktur perparitan bagi menyelesaikan masalah berkenaan.

Seorang penduduk, **Datuk Mat Yasir Ikhsan** berkata, masalah tersebut perlu segera diatasi memandangkan telah berlarutan sejak 10 tahun lalu.

“Saya tinggal di Seksyen 4 sejak 20 tahun lalu dan sejak sedekad lalu, masalah banjir kilat yang melanda semakin teruk.

“Punca banjir ini adalah disebabkan parit besar yang tersumbat sama ada disebabkan longgokan sampah atau saluran sedia ada dipenuhi lumpur,” katanya kepada *Utusan Malaysia* di sini hari ini.

Mat Yasir menambah, pihak berkuasa tempatan dan Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) seharusnya duduk semeja bagi merangka pelan jangka panjang supaya permasalahan banjir kilat dapat diatasi sepenuhnya.

Menurutnya, meskipun penduduk sudah lali dengan keadaan sedemikian, namun kerajaan negeri tidak boleh berpeluk tubuh sebaliknya perlu kerap turun padang menyelesaikan masalah berkenaan.

Yang Dipertua Persatuan Ibu Bapa dan Guru (PIBG) Sekolah Rendah Kebangsaan Raja Muda, **Mohd. Zikrul Hakim Noor** menjelaskan, pihaknya akan membuat laporan kepada pihak berkuasa terbabit berhubung banjir kilat yang sering melanda kawasan sekolahnya.

“Saya akan membuat laporan kepada Majlis Bandaraya Shah Alam (MBSA) dan JPS bagi me-



BEBERAPA penduduk melihat kawasan hadapan Sekolah Kebangsaan Raja Muda Musa dilanda banjir kilat di Seksyen 4, Shah Alam, Selangor, semalam.



MAT YASIR IKHSAN



MOHD. ZIKRUL HAKIM NOOR



AHMAD MUA'ADZAM SHAH YAAKOP

mastikan sekolah ini tidak lagi dilanda banjir kilat yang boleh merencatkan sesi pembelajaran dan pengajaran murid-murid,” ujarnya.

Sementara itu, Ketua Pemuda UMNO Bahagian, **Datuk Ahmad Mua'adzam Shah Yaakop** memberitahu, kejadian banjir kilat walaupun berkaitan fenomena alam semula jadi sepatutnya menyedarkan kerajaan negeri mencari jalan bagi memastikan saluran di negeri ini lancar tanpa halangan.

“Kita sedar kerajaan negeri bangga dengan rizab wang yang banyak namun sebaliknya rizab yang banyak tersebut sepatutnya dibelanjakan untuk menaiktaraf

longkang besar dan memantau secara sistematik taburan hujan sejak kebelakangan ini.

“Bandar raya Shah Alam memang dikenali sebagai kawasan yang mengalami hujan lebat sejak dari dulu lagi. Justeru, suatu bajet yang besar diperlukan untuk memastikan sistem saluran di seluruh banda raya ditingkatkan dari semasa ke semasa,” katanya.

Usaha bagi mendapatkan komen Pengerusi Jawatankuasa Tetap Infrastruktur, Kemudahan Awam dan Industri Asas Tani negeri, Zaidy Abdul Talib gagal apabila beliau enggan mengulas atas alasan sedang menghadiri mesyuarat.